

SOALAN NO. 289

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, DEWAN RAKYAT
PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. NIK MAZIAN BIN NIK
MOHAMAD
[PASIR PUTEH]**

TARIKH : 7 MAC 2017 (SELASA)

SOALAN :

**Dato' Dr. Nik Mazian Bin Nik Mohamad [Pasir Puteh] minta MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
menyatakan berapakah institusi kanak-kanak yang diselenggara dibawah
Kementerian dan berapa ramaikah bilangan penghuninya. Berapakah
bilangan pusat jagaan kanak-kanak yang diusahakan oleh pihak lain.**

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat telah menubuhkan sebanyak 46 buah Institusi Kanak-Kanak bagi menempatkan kanak-kanak di bawah umur 18 tahun yang memerlukan perlindungan, pemeliharaan dan pemulihan dengan pecahan seperti berikut:

BIL	INSTITUSI	BILANGAN
1	Rumah Kanak-Kanak	13
2	Sekolah Tunas Bakti	9
3	Asrama Akhlak	9
4	Taman Seri Puteri	4
5	Rumah Tunas Harapan	9
6	Rumah Perlindungan ATIP	2
JUMLAH		46

Bilangan penghuni bagi semua institusi kanak-kanak dari Januari sehingga Disember 2016 adalah seramai **2,847** orang kanak-kanak.

BIL	INSTITUSI	JUMLAH KANAK-KANAK	
		LELAKI	PEREMPUAN
1	Rumah Kanak-Kanak	521	602
2	Sekolah Tunas Bakti	795	327
3	Asrama Akhlak	239	62
4	Taman Seri Puteri	-	117
5	Rumah Tunas Harapan	92	64
6	Rumah Perlindungan ATIP	10	18
JUMLAH		1,657	1,190
JUMLAH KESELURUHAN		2,847	

Tuan Yang Dipertua,

Terdapat juga Pusat Jagaan kanak-kanak yang diuruskan oleh pihak lain iaitu Badan Bukan Kerajaan (NGO). Jumlah bilangan Pusat Jagaan yang berdaftar di bawah Akta Pusat Jagaan 1993 mengikut negeri bagi tahun 2013 hingga 2016 adalah sebanyak **574** buah. Jumlah keseluruhan kanak-kanak yang tinggal di Pusat Jagaan kendalian NGO bagi tempoh tersebut adalah seramai **16,894** orang.

**BILANGAN PUSAT JAGAAN BERDAFTAR DI BAWAH AKTA PUSAT
JAGAAN 1993**

BIL	NEGERI	TAHUN			
		2013	2014	2015	2016
1	Perlis	1	-	-	4
2	Kedah	13	8	8	17
3	Pulau Pinang	9	3	5	11
4	Perak	16	12	12	31
5	Selangor	44	61	45	50
6	WP Kuala Lumpur	6	4	5	13
7	Negeri Sembilan	14	10	11	14
8	Melaka	-	3	9	25
9	Johor	3	22	3	8
10	Pahang	9	2	6	20
11	Kelantan	2	-	-	9
12	Terengganu	1	-	2	2
13	Sarawak	3	3	2	6
14	Sabah	-	2	-	4
15	W/P Labuan	-	-	-	1
JUMLAH		121	130	108	215

**BILANGAN KANAK-KANAK DI PUSAT JAGAAN BERDAFTAR
DI BAWAH AKTA PUSAT JAGAAN 1993**

BIL	NEGERI	TAHUN				JUMLAH BESAR
		2013	2014	2015	2016	
1	Perlis	18	0	0	85	103
2	Kedah	255	193	40	537	1025
3	Pulau Pinang	266	116	207	350	939
4	Perak	550	239	235	800	1824
5	Selangor	1733	1515	1004	1651	5903
6	WP Kuala Lumpur	142	69	168	791	1170
7	Negeri Sembilan	389	257	278	280	1204
8	Melaka	0	72	275	891	1238
9	Johor	58	550	68	255	931
10	Pahang	240	61	197	520	1018
11	Kelantan	52	0	0	822	874
12	Terengganu	16	0	38	43	97
13	Sarawak	80	30	14	243	367
14	Sabah	0	91	0	81	172
15	W/P Labuan	0	0	0	29	29
JUMLAH		3,799	3,193	2,524	7,378	16,894